

FAKTOR UTAMA TERHADAP AMALAN TERBAIK DALAM SEKTOR PEMBINAAN DI MALAYSIA

¹Nur Hazwani Ahmad Saufi, ²Tuan Nurhasliza Tuan Kechik, ³Nur Hayati Md Saad
Mohd Nasrun Mohd Nawawi, Wan Nadzri Osman

¹College of Business, School of Technology Management and Logistic,

²University Utara Malaysia, 06010 Sintok Kedah Malaysia

Email: ¹waniezsha@rocketmail.com, ²tuan_liza@yahoo.com, ³nhayati.90@gmail.com

ABSTRACT

Keselamatan adalah salah satu daripada sektor yang paling penting di dalam sektor industri di Malaysia. Salah satu sektor yang menekankan tentang keselamatan ialah sektor pembinaan. Sektor pembinaan telah banyak menyumbang dalam penjana ekonomi di Malaysia. Kadang-kadang, di dalam sektor ini terdapat beberapa masalah yang timbul berkaitan dengan sektor keselamatan. Banyak projek pembinaan di Malaysia menghadapi masalah akibat daripada keselamatan dalam industri pembinaan. Masalah yang paling umum ialah masalah bangunan runtuh selepas bangunan siap dibina. Jadi adalah penting untuk kita mengurangkan masalah keselamatan di dalam industri pembinaan di Malaysia. Kajian ini juga bertujuan untuk mengenalpasti dan menilai amalan terbaik keselamatan pekerja di tapak pembinaan. Objektif kajian ini juga adalah untuk memastikan bahawa rekabentuk proses pembinaan di tapak pembinaan mengikut peraturan yang telah ditetapkan supaya dapat menjamin keselamatan kepada pekerja.

Keywords:

Keselamatan, Latihan, Industri Pembinaan

1.0 PENGENALAN

Sektor pembinaan merupakan pemangkin kepada pembangunan dan pertumbuhan ekonomi Negara. Salah satu langkah untuk membantu negara dalam usaha membangunkan imej industri pembinaan adalah menyediakan persekitaran tempat kerja yang selamat. Kemalangan sering berlaku dalam sektor pembinaan yang telah mengakibatkan kehilangan berjuta ringgit malaysiasetiap tahun akibat daripada kos perubatan dan pembayaran

insurans kepada keluarga mangsa yang mengalami kemalangan tersebut. Jika keadaan ini tidak dibendung, ia pasti akan memberi kesan kepada pembangunan ekonomi negara kita. Kemalangan di tapak pembinaan sering dikaitkan dengan kecuaiannya pekerja dalam melakukan kerja, pengabaian keselamatan, pengabaian kesedaran dan program-program latihan, kekurangan disiplin, kurangnya komunikasi dan gangguan lain yang menyebabkan berlakunya kemalangan sehingga ke hari ini.

Banyak usaha penyelidikan telah dibuat bagi memastikan keselamatan dalam industri pembinaan di Malaysia selamat. Pelbagai usaha yang telah dikenalpasti oleh penyelia dan pengurus syarikat yang memberi kesan ke atas prestasi keselamatan pekerja apabila melakukan projek pembinaan. Kebanyakan syarikat mengikuti garis panduan dan dasar-dasar yang memenuhi garis panduan yang ditetapkan oleh Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan. Walaubagaimanapun, kebanyakan kejadian kecederaan kemalangan di tapak pembinaan adalah tidak mengikuti prosedur keselamatan yang telah ditetapkan. Seterusnya, amalan keselamatan di tapak pembinaan juga dapat mengurangkan risiko kemalangan di tapak pembinaan.

2.0 KAJIAN LITERATUR

Kajian literatur membincangkan tentang prinsip amalan keselamatan pekerja di tapak pembinaan di Malaysia daripada segala aspek.

2.1 Definisi

Robert and Rubio (1991), menyatakan bahawa amalan keselamatan adalah satu daripada elemen-elemen asas yang penting dalam menjadikan program keselamatan yang berkesan dalam pengurusan keselamatan dan kesihatan pekerjaan. Tambahan pula keselamatan dan latihan orientasi merupakan elemen penting kepada program keselamatan yang berkesan. Penyelia dan pemaju perlu memahami dasar dan prosedur yang berkaitan dengan bahaya keselamatan di tempat kerja

2.2 Siapa yang perlu mengamalkan keselamatan di tapak pembinaan?

2.2.1 Pekerja

Pekerja haruslah mempunyai kesedaran dan kesediaan untuk mematuhi undang-undang, prosedur dan peraturan keselamatan untuk memberi sumbangan yang besar dalam memastikan keselamatan mereka itu sendiri. Pekerja industri pembinaan haruslah mematuhi setiap aspek keselamatan yang telah ditetapkan oleh majikan supaya kemalangan dapat dielakkan dan menghalang mereka daripada mengalami kecederaan semasa melakukan aktiviti pembinaan. Mereka juga harus sedar bahawa persekitaran kerja dan memakai peralatan keselamatan yang telah disediakan. Menurut Abdul Aziz Hussin (2004), pekerja perlu sedar bagi menjaga keselamatan mereka itu sendiri untuk mengelakkan daripada berlakunya kecederaan, misalnya apabila melakukan kerja perlulah menggunakan tali pinggang keledar dan menggunakan tangga dengan betul dan berhati-hati. Pekerja juga perlu memakai peralatan lengkap apabila mahu melakukan kerja yang boleh mencederakan diri mereka sendiri. Sebagai contoh, pemakaian cermin mata keselamatan apabila bekerja di kawasan yang berdebu yang boleh menyebabkan kecederaan visual. Cermin mata keselamatan yang berbentuk seperti cermin mata biasa tetapi melindungi mata daripada benda kecil yang berterbangan. Selain itu, pekerja juga perlulah memakai penutup muka dan topi keledar untuk melindungi mata daripada kecederaan. "Full-face protector" digunakan apabila membuat kerja yang melibatkan cahaya kimia, haba dan

cahaya yang terik. Helmet digunakan jika pekerja bekerja dalam bidang kimpalan atau bahan cecair.

2.2.2 Kontraktor

Kontraktor adalah individu yang paling penting dalam memastikan prestasi keselamatan pekerja kerana mereka menjalankan kerja-kerja di tapak pembinaan. Abdul Aziz Hussain (2004), dalam seksyen 15 Akta keselamatan dan Kesihatan pekerja, menekankan bahawa ia adalah tanggungjawab majikan untuk memastikan keselamatan pekerja sehingga yang boleh termasuk sistem dan prosedur yang selamat, mendapatkan dan meletakkan kelengkapan atau persekitaran tempat kerja yang selamat. Kontraktor mestilah mengekalkan keselamatan pekerja dari segi peruntukan dan penyelenggaraan mesin, peralatan mesin dan sistem yang selamat semasa melakukan kerja dan memastikan penggunaan peralatan dan jentera selamat untuk digunakan. Kontraktor juga mestilah menyediakan maklumat, arahan, latihan yang sesuai untuk pekerja tentang keselamatan di tempat kerja.

2.2.3 Jurutera

Jurutera perlu menjalankan kerja bagi pihak pemaju untuk memastikan bahawa projek boleh disiapkan dalam tempoh masa yang telah ditetapkan dalam kontrak. Mereka perlu memastikan bahawa kontraktor menyediakan dan mematuhi semua plan keselamatan yang ditetapkan untuk memastikan tapak pembinaan selamat dan projek dapat dijalankan mengikut jadual yang telah ditetapkan. Menurut Abdul Aziz Hussin (2004), jurutera perunding adalah pihak yang terlibat secara langsung di tapak pembinaan yang bertanggungjawab terhadap aspek keselamatan pekerja di tapak pembinaan. Aspek pelaksanaan dan mematuhi undang-undang, dasar kerja yang proaktif dan kemudahan dari segi keselamatan dan pengetahuan yang mencukupi adalah amat diperlukan dan ia perlu ada bagi setiap orang jurutera perunding projek.

2.2.4 Pemaju

Pemaju mestilah meminta setiap kontraktor yang melakukan projek mereka menyediakan plan

keselamatan yang lengkap dan mematuhi semua akta yang sedia ada sebelum kontraktor memulakan kerja mereka. Pemaju juga perlu menyediakan latihan orientasi keselamatan untuk pekerja dan pengawasan operasi berbahaya dan menyediakan kakitangan keselamatan yang mempunyai kepakaran dan kemahiran dalam bidang keselamatan dan kesihatan pekerja.

3.0 KAEDAH KAJIAN

Antara kaedah pemerhatian yang digunakan adalah :

3.1 Kajian soal selidik

Kajian soal selidik dilakukan untuk mendapatkan maklumat bagi penyelidikan tentang isu tentang latihan keselamatan yang digunakan di tapak pembinaan. Borang soal selidik telah diedar kepada responden untuk mendapatkan maklumat tentang latihan keselamatan yang berlaku di tapak pembinaan. Responden- responden ini terdiri daripada pekerja, dan kontraktor. Dengan mengadakan soal selidik, maklumat dapat diperolehi dan isu tentang masalah keselamatan dapat diperolehi.

3.2 Temubual

Temubual dijalankan bagi mendapatkan maklumat secara terperinci dan lebih jelas. Proses temubual ini untuk mengenalpasti masalah yang menyebabkan berlakunya kemalangan di tapak pembinaan. Dalam kaedah temubual beberapa orang yang terlibat iaitu jurutera, arkitek, serta pekerja untuk mendapatkan maklumat yang lebih jelas dan untuk mendapatkan pandangan mereka tentang latihan keselamatan yang digunakan di tapak pembinaan. Pihak-pihak yang terlibat dalam menjalankan kaedah temubual telah memberi kerjasama dan maklumat dapat dikumpul.

3.3 Kaedah pemerhatian

Kaedah pemerhatian yang telah dijalankan dikawasan tapak pembinaan. Pemerhatian yang dijalankan dari jarak jauh untuk mengetahui bagaimana pekerja dan kontraktor menggunakan latihan keselamatan semasa pembinaan

bangunan atau menggunakan peralatan pembinaan mengikut peraturan atau tidak.

4.0 DAPATAN KAJIAN

Penyelidikan yang dijalankan untuk mendedahkan punca-punca yang telah menyebabkan kemalangan di tapak pembinaan. Punca – punca kemalangan yang diperolehi melalui kaji selidik. Antaranya adalah majikan tidak menghantar pekerja untuk mengikuti latihan keselamatan sebelum melakukan kerja. Sepatutnya majikan perlu menghantar pekerja untuk memberi pendedahan kepada pekerja tentang bahaya di tapak pembinaan. Program latihan yang diuruskan dan dilaksanakan dengan sistematik dapat meningkatkan keprihatinan pekerja terhadap amalan kerja yang selamat. Hal ini dapat mengelakkan berlakunya kemalangan di tapak pembinaan. Jika kesedaran timbul dalam diri pekerja atau kontraktor, maka masalah keselamatan dapat diatasi. Pekerja akan melakukan kerja dengan lebih berhati-hati.

Punca seterusnya adalah kos yang banyak untuk menghantar pekerja mengikuti khusus atau latihan keselamatan. Pihak kontraktor atau pengurus di tapak pembinaan mementingkan kos daripada keselamatan pekerja. Jika kos yang mahal untuk menghantar pekerja mengikuti latihan keselamatan, mereka tidak akan menghantar pekerja. Hal ini menyebabkan kontraktor mengambil sikap yang tidak mengambil berat tentang keselamatan pekerja di tapak pembinaan.

Selain itu punca seterusnya adalah masa. Pihak pengurus lebih mementingkan masa kerja daripada keselamatan pekerja. Jika menghantar pekerja untuk mengikuti latihan keselamatan boleh merugikan masa pembinaan. Oleh itu, pihak kontraktor mengambil jalan mudah dan tidak menghantar pekerja mengikuti latihan dan khusus yang dianjurkan oleh Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerja. Sikap pengurus yang mementingkan diri sendiri boleh menjejaskan keuntungan dalam syarikat.

5.0 PERBINCANGAN DAN CADANGAN

Pada masa kini, tenaga buruh binaan merupakan salah satu faktor yang penting dalam sektor pembinaan. Bilangan pekerja asing yang

dicatatkan telah meningkat dari hari demi hari. Keadaan ini menyebabkan sektor pembinaan Negara kita menjadi semakin kritikal kerana ianya tidak dicegah dari awal lagi oleh pihak yang berkenaan. Peningkatan bilangan pekerja asing ini dibimbangi akan menyumbang kepada peningkatan bilangan kemalangan dan kematian yang berlaku di tempat kerja terutama kawasan pembinaan pada masa akan datang.

Kemasukan mereka ke negara Malaysia telah memberikan imej yang kurang baik kepada negara kita terutama dalam sektor pembinaan. Hal ini kerana, kekurangan pengetahuan dalam aspek keselamatan dan kesihatan yang seharusnya diberi perhatian oleh setiap pekerja dilihat sebagai salah satu penyumbang utama kepada peningkatan kemalangan di tempat kerja. Pekerja asing juga sememangnya tidak mendapat sebarang latihan dan pededahan tentang aspek keselamatan di negara mereka sebelum melakukan kerja. Kebanyakan mereka digaji tanpa memiliki sebarang kemahiran dan pengetahuan dalam mana- mana bahagian kerja pembinaan. Hal ini disahkan oleh pihak CIDB sendiri di mana anggaran pekerja yang diambil bekerja adalah lebih dari 800,000 dalam sektor pembinaan adalah dari kalangan pekerja asing yang tidak memiliki apa- apa kemahiran.

Terdapat beberapa faktor yang perlu ditingkatkan dan dilakukan penambahbaikan dalam ssektor ini. Isu keselamatan perlulah ditegaskan dan diberi peringatan sebelum, semasa, dan selepas projek siap. Antara cadangan yang boleh dilakukan untuk penambahbaikan adalah:

- i. Memperbanyakkan latihan keselamatan dan kursus induksi bagi setiap pekerja. Setiap majikan dan pihak yang terlibat perlulah meningkatkan kursus dan latihan yang diberikan kepada pekerja. Program begini adalah penting bagi meningkatkan pengetahuan dan kemahiran pekerja agar dapat melakukan kerja dengan selamat di tempat kerja dan mengikut prosedur yang ditetapkan.

- ii. Memastikan segala peralatan dan mesin dalam keadaan baik sebelum dan selepas digunakan. Hal ini juga amat penting bagi keselamatan setiap pekerja. Majikan dan pekerja perlulah bersama-sama memastikan keadaan peralatan dan mesin terjamin. Peralatan yang sudah uzur dan boleh memberikan kesan yang kurang baik kepada pekerja perlulah ditukar bagi mengelakkan sebarang kejadian yang tidak diingini berlaku ketika pekerja sedang menggunakannya.

- iii. Selain itu, pekerja juga perlulah didedahkan dengan aspek- aspek perundangan yang berkaitan dengan bidang kerja mereka di sektor pembinaan. Hal ini juga memerlukan kesedaran dari pekerja itu sendiri, majikan, kontraktor, subkontraktor, pemilik kontrak, dan perunding projek. Penedahan ini amat penting bagi menambah pengetahuan pekerja mengenai denda, hukuman atau akibat jika mereka tidak mematuhi prosedur kerja, tidak mematuhi kod etika pakaian yang sesuai semasa melakukan kerja, dan sebagainya. Setiap peringkat pekerja yang berada dalam sektor pembinaan ini perlulah memahami dan mengamalkan garis panduan yang ditetapkan oleh OSH. Undang- undang yang ditetapkan adalah spesifik bagi memastikan tiada sebarang perkara yang tidak diingini wujud di tempat kerja.

- iv. Memastikan penyelia melakukan pemantauan berkala di setiap tapak binaan. Peletakan seorang penyelia bagi setiap projek adalah bagi memastikan kerja yang dilakukan dapat disiapkan mengikut tempoh masa yang ditetapkan. Pemantauan dan semakan berkala sebanyak 3 kali seminggu adalah dicadangkan bagi memastikan pekerja mematuhi segala peraturan dan etika kerja yang ditetapkan.

6.0 KESIMPULAN

Kesimpulannya, bagi memastikan aspek keselamatan dalam sektor pembinaan ini terus terjamin, majikan bagi setiap perusahaan pembinaan perlulah meningkatkan dan mengandakan tahap latihan keselamatan dan kesihatan bagi setiap pekerja dan pihak pengurusan dalam industri pembinaan ini. Program latihan keselamatan juga perlulah mempunyai kesinambungan dari program-program yang dilakukan sebelumnya bagi mengenalpasti pekerja-pekerja yang berpotensi untuk dinaikkan pangkat berdasarkan prestasi kerja dan juga pematuhan mereka terhadap aspek keselamatan yang telah ditetapkan. Melalui program-program yang dijalankan ini, bilangan kematian dan kemalangan ditempat kerja akan dapat dikurangkan dari semasa ke semasa. Di samping itu, imej bagi sektor pembinaan negara juga akan dapat dibanggakan serta meningkatkan kualiti dan produktiviti kerja dalam kalangan pekerja.

REFERENCES

- Amirudin.R. (2005).*Sistem Pengurusan Keselamatan Pembinaan Bersepadu: Pendekatan Sistem Berasaskan Pengetahuan*, pp 1-19.
- Ashari.H. (1999).*Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan: Tanggungjawab Siapa?*, Jabatan Pengurusan, pp 1-83.
- Bold. J (1996), *Role of State Labour Inspectors in The Prevention of Occupational Accident*, Journal of Asian-Pacific Newsletter on Occupational Health and Safety, Vol. 3 (2), July 1996, pp 36-37.
- CIDB Construction Industry Review 2001/2002*
- Everett, J.G. (1996). *Cost of Accident and Injuries to The Construction Industry*, Journal of Construction Engineering and Management, pp 158-164.
- Keselamatan Pekerjaan Di Tapak Bina. 2008. <http://www.efka.utm.my>